

02/08/2003

Peniup harmonika dipelawa catat rekod Malaysia

KUALA LUMPUR: Great Eastern Life Assurance (M) Berhad mengalu-alukan penyertaan peniup harmonika berkebolehan bagi mencipta rekod baru di dalam Malaysia Book of Records.

Penyertaan mereka itu bagi memenuhi kuota 460 peniup harmonika yang dijangka membuat persembahan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-46 pada malam Ambang Merdeka 30 Ogos depan.

Persembahan yang dianjurkan Great Eastern itu akan menjadi lebih bermakna dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed bersama ribuan orang ramai di Dataran Merdeka.

Ketua Pegawai Teknologi Maklumat Great Eastern, Kong Kim Yihe, berkata, 460 peniup harmonika itu nanti akan membawakan tiga lagu patriotik iaitu Tanah Pusaka, Sejahtera Malaysia dan Keranamu.

"Ini adalah satu kebanggaan bagi kami apabila dapat memberi sokongan kepada bakat dan peniup harmonika tempatan pada acara berprestij seumpama ini.

"Malah ini adalah salah satu tumpuan kami dalam menyatupadukan rakyat berbilang bangsa di negara ini dengan menampilkan peniup harmonika dari pelbagai usia dan bangsa melalui persembahan muzik," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Beliau berkata, persembahan itu juga dapat memperkenalkan orang ramai berhubung penggunaan alat muzik harmonika yang selama ini kurang dikenali berbanding alat muzik lain.

Katanya, persembahan itu akan diketuai Pemenang Peniup Harmonika Dunia 1989 yang dikenali Mr Chong.

"Turut serta dalam persembahan yang mencipta sejarah itu ialah peserta tertua, Yeong Sze Tai, 90, dan dua peniup piling muda, Phang Yi Xin dan Yew Ka Seng, kedua-duanya berusia 6 tahun," katanya.

Kong berkata, uji bakat bagi pengambilan peserta persembahan itu sudah dibuka sejak 26 Julai lalu dan di buka sekali lagi hari ini di Menara Great Eastern, 303, Jalan Ampang, di sini.